

KERATAN: Utusan Borneo  
SAB - NO 289/12

TARIKH: 5/2/2012  
M/S: (BF)

# Menyerlahkan seni tradisi badundang

## Dalam Mahrajan Persuratan Dan

## Kesenian Islam Nusantara



Oleh JASNI MATLANI  
jasni\_matlani@hotmail.com

**H**ANYA beberapa hari lagi daerah Membakut akan menjadi tumpuan para penulis, aktivis budaya dan kesenian Islam dari seluruh Nusantara, yang akan menghadiri Mahrajan Persuratan dan Kesenian Islam Nusantara yang pertama kali diadakan di daerah Membakut yang terkenal sebagai dataran budaya dan ilmu di negeri Sabah ini.

Sekurang-kurangnya 100 orang peserta dari luar negara sudah pun mengesahkan penyertaan dalam pertemuan yang unik dan mempunyai keistimewaan tersendiri bermula pada 8 hingga 11 Februari 2012 ini. Sementara 200 orang lagi adalah peserta tempatan yang tidak ketinggalan mahu menyemarakkan dan mengimarahkan mahrajan berkenaan.

Selain daripada program pembentangan kertas kerja, dialog bersama pelajar dan forum transformasi persuratan dan kesenian Islam, mahrajan itu juga turut menyerlahkan seni budaya tradisi setempat yang mempunyai unsur keislaman, khususnya dalam acara Persembahan Kesenian Islam yang diadakan selama tiga malam masing-masing di Kampung Binsulok, Kampung Brunei dan kampung Pimping Membakut.

Salah satu budaya tradisi yang akan dipersembahkan ialah seni budaya tradisi Badundang yang memang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu Barunai di daerah Membakut.

Budaya Badundang sebenarnya berbeza dengan budaya tradisi dondang sayang. Walaupun Dondang Sayang turut menggunakan pantun dalam seni persembahannya, tetapi melodi atau irama lagunya berbeza. Begitu juga dari segi penggunaan alat atau instrumen muziknya berbeza kerana Dondang Sayang biasanya diiringi kumpulan muzik

yang menggunakan alat-alat atau instrumen muzik moden seperti biola dan arkodian, bersama-sama alat muzik tradisi seperti gendang dan gong, sementara seni badundang hanya menggunakan alat guling tangan atau kulintangan dan tatawak dalam persembahannya.

Menurut Datuk Mohd. Arifin Mohd. Arif, dalam kertas kerjanya yang berjudul "Dundang dan Masyarakat Barunai Membakut", badundang bukan hanya diiringi dua jenis alat muzik tradisional yang dinyatakan di atas, tetapi ia sebenarnya diiringi beberapa alat muzik tradisional seperti guling tangan, canang, tawak-tawak dan agong dengan rentak yang dipanggil Ida-Ida.

Seni badundang juga berbeza dengan sesetengah lagu dan budaya tradisi yang diamalkan oleh beberapa etnik lain di negeri Sabah seperti acara budaya Japin dan 'Tarian Anding' yang popular dalam kalangan masyarakat Kadayan atau acara Badaup yang popular dalam kalangan masyarakat Bisaya.

Walaupun kedua-dua budaya dan lagu tradisi ini turut

"Acara seni badundang masih lagi diamalkan di daerah Membakut sehingga kini, walaupun ia tidak sepopular pada zaman dahulu, tetapi ia terus dipertahankan, diwariskan dan malah diturunkan atau diajarkan kepada generasi muda."

Acara seni badundang masih lagi diamalkan di daerah Membakut sehingga kini, walaupun ia tidak sepopular pada zaman dahulu, tetapi ia terus dipertahankan, diwariskan dan malah diturunkan atau diajarkan kepada generasi muda. Antara tokoh yang terkenal di daerah Membakut yang boleh mendundangkan pantun secara spontan ini ialah Dayang Guna Munap berasal dari kampung Binsulok dan juga Puan Salmah atau dikenal juga sebagai Puan Bulamah berasal dari kampung Pimping Membakut.

Kedua-dua tokoh pantun dundang ini pernah diberikan anugerah Tokoh Budayawan Kitani oleh Persatuan GERIMIS dan Unit Pemimpin Kemajuan Rakyat Membakut. Menurut Datuk Mohd. Arifin Mohd. Arif lagi, Persatuan Masyarakat

yang berkaitan dengan budaya warisan badundang masyarakat Melayu Barunai Membakut ini ialah Haji Ibrahim Nyiru dan beliau sering dijadikan rujukan generasi baharu dan para pelajar universiti yang membuat rujukan atau kajian tentang budaya seni warisan berkenaan.

Menurut Haji Ibrahim Nyiru, pantun dundang yang dipersembahkan dalam acara badundang sudah lama menjati diri dalam kalangan masyarakat Melayu Barunai di daerah Membakut. Pada zaman dahulu pantun dundang diucapkan dalam kalangan kaum lelaki pada ketika mereka sedang berkayuh perahu untuk turun mengerjakan sawah. Mereka melagukan pantun dundang sebagai salah satu cara untuk berhibur dan pantun dundang berkenaan kemudian dibalas

"Pada zaman dahulu pantun dundang diucapkan dalam kalangan kaum lelaki pada ketika mereka sedang berkayuh perahu untuk turun mengerjakan sawah. Mereka melagukan pantun dundang sebagai salah satu cara untuk berhibur dan pantun dundang berkenaan kemudian dibalas atau dijawab pihak wanita yang turut turun ke sawah. Namun lama kelamaan pantun dundang telah menyebati dalam budaya masyarakat Melayu Barunai di daerah Membakut dan akhirnya dijadikan acara tradisi dalam sesuatu majlis perkahwinan masyarakat berkenaan."

memahkotakan pantun atau menggunakan pantun sebagai lirik lagu dan teras utama persembahan, tetapi ia berbeza dengan budaya seni badundang masyarakat Melayu Berunai, sama ada dari segi melodi, rentak irama dan penggunaan alat muziknya.

Berunai Sabah (PMBS), khususnya cawangan PMBS di beberapa buah kampung dalam daerah Membakut, turut memainkan peranan yang penting dalam melestarikan seni budaya badundang ini.

Seorang lagi tokoh yang mengetahui banyak perkara

atau dijawab pihak wanita yang turut turun ke sawah.

Namun lama kelamaan pantun dundang telah menyebati dalam budaya masyarakat Melayu Barunai di daerah Membakut dan akhirnya dijadikan acara tradisi dalam sesuatu majlis perkahwinan masyarakat

berkenaan.

Selepas itu secara turun temurun, budaya tradisi badundang dijalankan semasa berlakunya adat istiadat perkahwinan suku kaum atau masyarakat Melayu Berunai. Menurut Datuk Haji Mohd. Arifin Mohd. Arif, acara budaya seni badundang lazimnya diadakan sempena keraian majlis perkahwinan, misalnya selepas majlis babadak, di mana keluarga, sanak saudara dan masyarakat kampung mamucang-mucang atau bergotong royong untuk membuat persiapan kenduri majlis perkahwinan pada keesokan harinya.

Kegiatan mamucang-mucang itu kebiasaannya menjadi amalan penting dalam kalangan masyarakat Melayu Barunai, bukan sahaja untuk tujuan pengukuhan ukhuwah atau memperteguh ikatan perpaduan dalam kalangan masyarakat, tetapi untuk menjayakan sesuatu kerja secara lebih berkesan, yang akhirnya menanamkan nilai-nilai tolak ansur, bertanggungjawab, bertimbang rasa, membala budi dan supaya sesuatu kerja itu dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang dihadkan.

Perkahwinan bagi masyarakat Melayu Barunai adalah satu proses kehidupan yang penting, yang mesti dilalui kebanyakan golongan lelaki dan wanita yang meningkat dewasa. Konsep perkahwinan bagi masyarakat Melayu Barunai ialah berumah tangga dan juga proses berkongsi tanggungjawab antara suami isteri.

Justeru itu ia mesti dilalui dengan gembira dan bukan dalam suasana yang sedih dan murung. Majlis pengantin baru atau majlis perkahwinan mesti disemarakkan dengan acara tradisi badundang sambil diiringi permainan muzik tradisi kulintangan. Lagunya adalah lagu kehidupan yang gembira dan meriah, yang menyisihkan kesedihan dan petuanya selalu bersandar kepada kebijaksanaan kata-kata guru atau orang

yang lebih berpengalaman dan berilmu dalam kalangan institusi masyarakat itu.

Pada zaman dahulu dan malah sehingga sekarang, jarang sekali atau malah tidak pernah acara badundang ini diadakan dalam majlis kenduri atau majlis keramaian rasmi yang lain, kecuali atas permintaan atau keperluan tertentu. Majlis badundang hanya diadakan sempena keraian majlis perkahwinan, kerana bagi masyarakat Melayu Barunai majlis perkahwinan adalah satu majlis yang penting, sesuai dengan garis yang ditetapkan Islam.

Begitu juga majlis perkahwinan biasanya menjadi salah satu majlis keramaian yang bukan sahaja menyatukan kedua belah pihak (keluarga) yang akan berkahwin, tetapi dalam institusi kampung perkahwinan adalah salah satu cara menghimpunkan seluruh keluarga dan penduduk kampung.

Pada zaman dahulu, secara lazim atur cara perkahwinan diadakan selepas musim menuai. Selepas kerja-kerja menyamai, menanam, menjaga padi dan akhirnya menuai padi selesai dikerjakan oleh masyarakat kampung yang kebiasaannya dilakukan secara mamuncang-mucang atau bergotong-royong, kemudian tibahtah masa untuk mereka berehat seketika sebelum musim bersawah yang lain. Pada masa lapang atau masa berehat inilah biasanya banyak acara atau majlis atau kenduri kahwin diadakan, dan pada masa inilah masyarakat kampung dapat berkumpul, bagi menambahkan lagi seri kemeriahan majlis perkahwinan yang dilangsungkan.

Semasa majlis perkahwinan ini diadakan, sekali lagi budaya atau adat masyarakat kampung yang sentiasa bantu-membantu dan bekerjasama di antara satu sama lain itu diaplifikasi, bagi memudahkan pelaksanaan keraian majlis perkahwinan.

■ Bersambung minggu hadapan